

Bil. S 50

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT
(AKTA IKHTISAS PEGUAM) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Ikhtisas Peguam) (Pindaan), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 30 haribulan Oktober, 1999.

Pemansuhan dan penggantian bab 3 dari Penggal 132.

2. Bab 3 dari Akta Ikhtisas Peguam, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan yang berikut —

"Orang-orang yang berkeelayakan.

3. (1) Seseorang itu adalah seorang yang berkeelayakan bagi maksud-maksud Akta ini jika, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ceraiian (3), dia —

(a) menjadi "barrister-at-law" England atau Northern Ireland atau seorang ahli Fakulti Peguambela-Peguambela di Scotland;

(b) menjadi peguamcara di England atau Northern Ireland atau "Writer to the Signet", "law agent" atau peguamcara di Scotland; atau

(c) telah pun menjalankan amalan dengan giatnya sebagai seorang peguambela dan peguamcara di Singapura atau di mana-mana bahagian Malaysia.

(2) Seseorang yang —

(a) merupakan rakyat Negara Brunei Darussalam; atau

(b) telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen,

Penggal 17.

pada tarikh permohonannya bagi penerimaan masuk adalah, dengan tidak menghiraukan cerai (1), seorang yang berkelayakan bagi maksud-maksud Akta ini jika dia telah memperolehi sesuatu kelayakan yang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Penggal 17. (3) Seseorang itu yang bukan, pada tarikh permohonannya bagi penerimaan masuk, sama ada rakyat Negara Brunei Darussalam atau seseorang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen, hendaklah hanya memohon bagi penerimaan masuk jika, selain memenuhi kehendak-kehendak cerai (1), dia telah pun menjalankan amalan dengan giatnya di mana-mana bahagian di United Kingdom, di Singapura, di mana-mana bahagian di Malaysia atau di mana-mana negara atau wilayah atau bahagian lain di sebuah negara atau wilayah di dalam Komanwel yang telah ditetapkan oleh Peguam Negara dengan notis dalam *Warta Kerajaan* sekurang-kurangnya selama tujuh tahun sejurus sebelum permohonan tersebut."

3. Bab 13 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah perenggan kecil (v) baru yang berikut kepada perenggan (a) cerai (2) —

Pindaan bab 13.

Penggal 17. "(v) jika dia bukan rakyat Negara Brunei Darussalam atau seseorang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen yang memohon bagi pembaharuan surat akuan menjalankan amalannya, bahawa dalam tempoh yang berkaitan dengannya sejurus sebelum surat akuan menjalankan amalannya dikeluarkan dia telah pun menjalankan amalan dengan giatnya di Negara Brunei Darussalam —

(i) jika ia dikeluarkan selepas 31 haribulan Mac, 1999 dan adalah surat akuan menjalankan amalannya yang pertama, sekurang-kurangnya selama tiga bulan pada keseluruhannya;

(ii) dalam sebarang hal lain, sekurang-kurangnya selama sembilan bulan pada keseluruhannya;"

Pindaan bab
14.

4. Bab 14 dari Akta tersebut adalah dipinda dalam cerai (1) —

(i) dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan noktah bertindih;

(ii) dengan menambah proviso yang berikut —

Penggal 17.

"Dengan syarat bahawa dalam hal seseorang peguambela dan peguamcara yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam atau seseorang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen, cerai ini tidaklah memberi hak kepadanya untuk memohon pembaharuan surat akuan menjalankan amalannya melainkan jika, dalam tempoh yang berkaitan dengannya sejeurus sebelum surat akuan menjalankan amalannya dikeluarkan, dia telah pun menjalankan amalan dengan giatnya di Negara Brunei Darussalam —

(i) jika ia dikeluarkan selepas 31 haribulan Mac, 1999 dan adalah surat akuan menjalankan amalannya yang pertama, sekurang-kurangnya selama tiga bulan pada keseluruhannya;

(ii) dalam sebarang hal lain, sekurang-kurangnya selama sembilan bulan pada keseluruhannya."

Pindaan bab
65.

5. Bab 65 dari Akta tersebut adalah dipinda, dalam perenggan (b) cerai (2), dengan memotong "(a) dan (e)" dan menggantikannya dengan "(2)".

Pemansuhan
S 22/86 dan
S 33/89.

6. Aturan-Aturan yang berikut adalah dimansuhkan —

(a) Aturan-Aturan Kelayakan Lain;

(b) Aturan-Aturan Kelayakan Lain (Bil. 2).

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 22 haribulan September, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM